

SOALAN NO. 56

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN SU KEONG SIONG
[IPOH TIMUR]**

TARIKH : 7 MAC 2017

SOALAN :

YB TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMUR] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah terkini banduan yang sedang menghadapi hukuman mati mandatori di Malaysiā. Sila nyatakan status terkini hasrat Kerajaan memansuhkan hukuman mati mandatori di Malaysia.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara sedang menjalankan kajian bagi meneliti isu undang-undang dan dasar hukuman mati di negara ini. Keputusan berhubung pelaksanaan hukuman mati di negara ini merupakan perkara dasar yang akan diputuskan oleh Kerajaan berdasarkan hasil kajian tersebut.

Sekian, terima kasih.